

## **PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI KAWALAN TRAFIK UDARA**

### **1. SKIM PERKHIDMATAN**

Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A29, A36, A38, A40

### **2. PERINGKAT ORGANISASI**

Jabatan Penerbangan Awam Malaysia/ Bahagian Perkhidmatan Trafik Udara.

### **3. RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab kepada Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam melaksanakan tugas-tugas memberikan perkhidmatan trafik udara kepada pengguna-pengguna ruang udara Malaysia (FIR Kuala Lumpur dan FIR Kota Kinabalu) mengikut kaedah-kaedah yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) dan mengikut kuasa yang diberikan dalam Akta Penerbangan Awam Malaysia (MCAA 1969) dan Peraturan Penerbangan Awam Malaysia (MCAR 1996).

### **4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

#### **4.1 Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A29**

##### *4.1.1 Aerodrome Flight Information Service.*

- a. Memberi maklumat mengenai pergerakan pesawat lain dan maklumat penerbangan.
- b. Berhubung dengan Unit Kawalan Trafik Udara yang berdekatan untuk memberi dan memperolehi maklumat pergerakan pesawat berkaitan di *Uncontrol Airspace*.
- c. Memberi dan memperolehi laporan cuaca dan maklumat mengenai perubahan status alat pandu arah dan komunikasi yang mustahak kepada keselamatan pergerakan pesawat.
- d. Bertanggungjawab untuk mengambil tindakan bersiap sedia semasa pesawat mengalami kerosakan alat pandu arah atau komunikasi, sesat jalan atau masalah pesawat lain.

##### *4.1.2 Tower Flight Data.*

- a. Bertanggungjawab menerima dan mencatat laporan cuaca tempatan dan keadaan lapangan terbang.

- b. Memasukkan data-data cuaca ke dalam sistem *Automatic Terminal Information Service* (ATIS).
- c. Menyediakan *flight strip* bagi setiap penerbangan.
- d. Berkoordinasi dengan syarikat penerbangan dan syarikat lapangan terbang untuk memperolehi maklumat penerbangan.
- e. Menghantar dan menerima mesej-mesej perkhidmatan trafik udara.
- f. Merekod statistik pergerakan pesawat bagi sesuatu lapangan terbang.

#### 4.1.3 *Surface Movement Controller.*

- a. Mengawal pergerakan pesawat di kawasan *taxiway* dan *apron*.
- b. Memaklumkan susunan berlepas (*departure sequence*) kepada *Aerodrome/ Approach Controller* dan memaklumkan kepada syarikat lapangan terbang mengenai waktu ketibaan dan waktu berlepas pesawat-pesawat.
- c. Mengawal operasi lampu-lampu *taxiway* dan lampu-lampu di kawasan pemakiran (*apron*) serta mengawal waktu menghidupkan enjin setiap pesawat.

#### 4.1.4 *Flight Data.*

- a. Menyediakan dan membetulkan laluan (*route*) dalam data penerbangan (*flight data*).
- b. Mengurus data elektronik apabila pesawat berlepas ataupun apabila mendapat jangkaan ketibaan pesawat.
- c. Memberitahu Pegawai Kawalan Trafik Udara - *Sector Procedure* mengenai jangkaan yang diterima dari sektor lain.
- d. Menerima dan mencatat secara manual dan elektronik segala maklumat.

## 4.2 **Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A36**

### 4.2.1 Menyelia Menara.

- a. *Aerodrome/ Approach Controller* adalah bertanggungjawab secara khusus memastikan keselamatan dan kelancaran fasa pendaratan dan berlepas.

- b. Memberikan arahan-arahan kawalan trafik udara kepada pesawat untuk menjamin *separation minima* dipatuhi.
- c. Menyampaikan maklumat-maklumat cuaca dan memaklumkan perubahan-perubahan keadaan cuaca.
- d. Memulakan langkah mencari dan menyelamatkan terhadap pesawat yang *overdue*.
- e. Mengawal operasi lampu-lampu pendaratan (*approach lights*) dan lampu-lampu landasan pendaratan (*runaway lights*).
- f. Berhubung dengan Pusat/ Unit Kawalan Trafik Udara berhampiran mengenai maklumat trafik udara berhampirannya.

### **4.3 Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara Gred A38**

#### **4.3.1 Senior Air Traffic Control Officer (SATCO).**

- a. Bertanggungjawab untuk mengetuai operasi Kawalan Trafik Udara yang kompleks dan mengendalikan Krew Kawalan Trafik Udara yang mengawal pesawat yang mendarat dan berlepas dari lapangan terbang serta memastikan koordinasi operasi di antara krew.
- b. Memastikan *Chain Of Command* berdasarkan kedudukan sebagai ketua operasi dalam syifnya.

## **5. HUBUNGAN KERJA**

### **Dalaman**

- a. Rakan sekerja di lapangan terbang dan lapangan terbang berkaitan/ unit lain seperti bomba/ *security airport*/ bahagian/ cawangan/ negeri dan daerah.
- b. Pegawai dan kakitangan di organisasi yang sama serta juruterbang pesawat.
- c. Agensi kerajaan pada peringkat negeri dan daerah.

### **Luaran**

- a. Syarikat penerbangan.
- b. Juruterbang pesawat.

## 6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat.

## 7. LATIHAN YANG DIPERLUKAN

- a. Kursus *Area Control* untuk Kenaikan Pangkat Secara Lantikan ke Pegawai Kawalan Trafik Udara.
- b. Latihan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan dari semasa ke semasa untuk mendapatkan standard kompetensi yang diperlukan seperti *On The Job Training, Supervisory Course, Training Instructor* dan lain-lain mengikut keperluan perkhidmatan.
- c. Berkelulusan Diploma yang diiktiraf dalam apa-apa bidang.
- d. Telah mengikuti dan lulus *Aerodrome Approach* di Kolej Penerbangan Awam bagi jawatan Sokongan I.

## 8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Tegas, bertanggungjawab, cekap dan bijaksana dalam menjalankan tugas dan berfikiran matang dalam mengendalikan kawalan trafik udara.
- b. Berwibawa dalam membuat koordinasi dan komunikasi.
- c. Mahir dengan prosedur semasa dan berupaya berfikiran terbuka untuk menerima perubahan dari semasa ke semasa dari segi teknologi.

## 9. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Berlakunya kerosakan peralatan komunikasi dan sistem pandu arah sekiranya peralatan tidak mencapai tahap piawaian.
- b. *Tahap stres* yang tinggi boleh mengakibatkan *accident* dan *incident* kapal udara.
- c. Kurang rehat pada waktu panggilan tugas dan *standby duty*.

Sumber : Surat daripada Jabatan Penerbangan Awam Malaysia Ruj. (38) DCA/TAD/1/13.69(S) Jld.3 bertarikh 14 Mei 2012